KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	KOSMO			
TARIKH	:	2/9/2021 (KHAMIS)	MUKA SURAT	:	18
JABATAN	:	TNB			

Panel solar jimatkan bil elektrik RM2.1 juta

IPOH – Sebanyak RM2.1 juta penggunaan bil elektrik dapat dijimatkan dalam tempoh 21 tahun menerusi pemasangan bumbung panel solar di Pusat Transformasi Bandar (UTC) Perak di sini.

Pemasangan panel solar itu adalah kerjasama yang dimeterai antara Majlis Bandaraya Ipoh (MBI) bersama Tenaga Nasional Berhad (TNB) dan Syarikat GSPARX pada 23 Mac lalu.

Datuk Bandar Ipoh, Datuk Rumaizi Baharin berkata, pemasangan panel solar fotovoltaik (PV) di bangunan UTC Perak telah siap sepenuhnya pada hujung Julai lalu.


Menurutnya, projek itu dianggarkan mampu menjimatkan RM47,964 bil elektrik pada tahun pertama projek.

"Ia bertepatan dengan usaha MBI untuk mencapai matlamat menjadi bandar raya pintar lestari dan rendah karbon yang lebih bersih, hijau dan lebih maju," katanya selepas meninjau panel solar berkenaan di bangunan UTC di sini.

Hadir sama Ketua Retail TNB Negeri Perak, Ir. Mohd. Azhar Abd. Rashid.

Kata Rumaizi, MBI kini juga berada pada landasan untuk menjadikan Ipoh sebagai bandar raya pintar dan rendah karbon keempat negara menjelang tahun 2030.

Kosmo, 2 Sept 2021_18



BANGUNAN UTC Perak terletak di Jalan Dato' Onn Jaafar, Ipoh.